



*Memo*  
**LEMBAGA GETAH MA LAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

---

Kepada : Anggota LGM  
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047  
Tarikh : 22 Julai 2013

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BIL. 24 TAHUN 2013**

**PEKERJAAN LUAR OLEH KAKITANGAN AWAM**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), kakitangan adalah ditegah dari membelakangkan kewajipannya kepada LGM kerana kepentingan persendirianya.
3. Membuat Pekerjaan Luar kecuali anggota dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian dalam perjalanan tugasnya, kakitangan tidak boleh:
  - (i) membabitkan diri secara langsung atau dalam pengurusan atau aktiviti perniagaan mana-mana syarikat, firma atau aktiviti-aktiviti lain sama ada bertujuan mendapatkan keuntungan atau tidak; atau
  - (ii) sebagai seorang pakar, memberi apa-apa laporan atau keterangan pakar, sama ada dengan percuma atau untuk mendapat upah; atau
  - (iii) menjalankan tugas/kerja untuk mendapat upah, apa-apa kerja bagi mana-mana institusi, syarikat firma atau orang perseorangan.

4. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, kakitangan boleh dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan untuk menjalankan mana-mana aktiviti atau melaksanakan mana-mana perkhidmatan di atas. Sehubungan dengan itu, anggota LGM yang ingin menjalankan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam perkara di atas hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Ketua Jabatan. Anggota LGM yang melaksanakan aktiviti yang dinyatakan dalam perkara 2 tanpa kebenaran Ketua Jabatan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

5. Arahan ini wajib dipatuhi oleh semua anggota LGM.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

**(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)**  
Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

s.k.

YBhg. Datuk Ketua Pengarah, LGM  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian